

20/01/2003

Amerika jadikan negara lemah 'kad pertaruhan' di meja judi

Shaiful Hazizy Zainol Abidin

DUNIA semakin bergolak. Inilah suasana yang perlu diakui semua pihak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada Forum Parlimen Asia Pasifik ke-11, baru-baru ini, menegaskan dunia sekarang kembali mirip zaman batu (stone age).

Pada zaman dulu pihak yang bertelagah menggunakan belantan untuk membunuh di antara satu sama lain. Dan pada zaman ini, pihak yang berkonflik mempunyai senjata pemusnah yang dikenali sebagai nuklear. Tidak banyak bezanya di antara dulu dan sekarang.

Peristiwa 11 September 2001 akan terus diingati masyarakat dunia.

Amerika Syarikat dengan sombong dan angkuh menuduh Osama Bin Laden, sebagai orang paling dikehendaki kerana merancang pengeboman terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan sebahagian Pentagon di Washington.

Hingga sekarang, Amerika sebenarnya tidak mengetahui (tetapi mahu menyembunyikan) pihak sebenar di sebalik peristiwa itu.

Dengan alasan memerangi penganas, Amerika dan konconya kemudian menyerang Afghanistan yang kononnya menjadi tempat perlindungan Osama.

Apa yang nyata, Osama tidak ditemui, tetapi beribu-ribu rakyat Afghanistan yang tidak bersalah cedera dan terbunuh.

Bagi membuktikan keangkuhannya, Amerika mahu menyerang Iraq dan menggulingkan Presiden Saddam Hussain, walaupun ramai pemimpin dan penduduk dunia mengecam tindakan itu.

Tindakan sombong Amerika itu jelas memperlihatkan bagaimana Washington tidak menghormati orang lain, lebih-lebih lagi pasukan pemeriksa senjata gagal menemui sebarang bukti yang menunjukkan Iraq mempunyai senjata pemusnah besar-besaran.

Usaha menggulingkan Saddam bukanlah satu usaha mudah. Persepsi bahawa regim Saddam dapat digulingkan semudah Taliban adalah satu hakikat yang perlu disangkal.

Amerika dan sekutunya bakal berdepan dengan 429,000 tentera yang akan berjuang bermati-matian mempertahankan negara mereka.

Bilangan tentera serta kesetiaan mereka kepada pemimpin adalah penghalang utama kepada mana-mana tentera yang ingin mencero boh bumi Iraq serta menggulingkan Saddam.

Apa yang pasti ialah politik global akan bertukar corak serta acuannya sekiranya berlaku perang Amerika dan Iraq.

Kumpulan penganas antarabangsa akan tumbuh serta melancarkan serangan mereka terhadap kepentingan Barat. Prejudis Amerika jelas terbukti melihatkan reaksi mereka dengan tindak tanduk Korea Utara. Korea Utara dengan secara terang-terangan berkeras serta angkuh mempertahankan tindakannya membangunkan senjata pemusnah. Malah mereka mengancam sekiranya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Amerika mengenakan sekatan ekonomi terhadap mereka ia akan dianggap sebagai satu provokasi perang.

Sementara Iraq pula dilayan sebagai sebuah negara yang langsung tidak mempunyai kedaulatan. Sehingga sekarang pasukan pemeriksa senjata belum lagi menemui bukti kukuh bahawa mereka ada membina senjata pemusnah dan biologi. Pada masa sama, Amerika dan sekutunya membuat persiapan perang dengan menghantar sejumlah askar dan peralatan perang ke sempadan Kuwait.

Tidak cukupkah dunia melihat tekanan serta penderitaan rakyat Iraq kerana perang dan sekatan ekonomi terhadap mereka. Kita menyaksikan lebih dua juta rakyatnya mati setiap tahun akibat kekurangan bekalan ubat-ubatan. Iraq kini sekali lagi akan melalui pengalaman lebih perit dengan

kemungkinan meletusnya perang.

Apa yang dilakukan oleh Amerika dan konconya seolah-olah meletakkan dunia ini sebagai meja perjudian serta negara lemah sebagai kad pertaruhan.

Oleh itu, dunia perlu diamankan. Itulah harapan Perdana Menteri dan seluruh rakyat Malaysia. Kuala Lumpur sejak dulu lagi menentang keganasan dan mahukan keamanan.

Perdana Menteri pernah menyarankan bahawa keganasan hanya akan dapat ditangani dengan melihat punca keganasan itu.

Sehubungan itu, Amerika perlu mengkaji semula peranan serta dasar luar mereka terhadap negara Arab dan Islam.

Mereka seharusnya mengkaji semula sokongan terhadap rejim zionis serta komitmen dalam perang terhadap keganasan.

Dalam memperkatakan soal keamanan, Gerakan Keamanan Malaysia adalah usaha murni ke arah itu. Atas semangat untuk memastikan keamanan dunia Pemuda Umno Malaysia dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan menganjurkan Gerakan Keamanan Malaysia.

Malaysia secara amnya harus menunjukkan kepada dunia akan pendirian serta kebencian mereka terhadap peperangan serta penindasan.

Generasi muda Malaysia perlu insaf dan merenung kemewahan dan kesenangan yang mereka kecap di negara yang aman dan makmur ini.

Mereka perlu membuat perbandingan akan penderitaan saudara Islam di negara lain.

Air mata dan darah saudara di Afghanistan, Palestin dan Iraq harus dijadikan iktibar dengan penuh rasa syukur kerana negara aman dan bebas daripada sebarang tumpah darah.

Oleh itu, usaha Pemuda Umno Malaysia dan generasi muda untuk melihat keamanan berkekalan dunia perlu disokong semua pihak. Jadikan dunia ini sebagai tempat paling selamat dan aman untuk dihuni.

SHAIFUL HAZIZY ZAINOL ABIDIN,

Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia.

Kuala Lumpur.